

Makanan Malaysia dapat sambutan di AS
Utusan Online
24 Mac, 2012

KUALA LUMPUR 23 Mac - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) baru-baru ini menjadi tuan rumah kepada sekumpulan pembeli runcit Amerika Syarikat (AS) di bawah Program Malaysia Kitchen dan berjaya mencatat potensi jualan sejumlah RM4.3 juta.

Program tersebut diadakan bagi menggalakkan lebih banyak eksport makanan diproses ke AS dan mempromosi peluang perniagaan bagi pengilang makanan diproses Malaysia.

Antara rangkaian produk yang mendapat perhatian seperti mi, roti parata (roti canai), sos, biskut, keropok, wafer, gula-gula dan produk soya.

Ketua Pegawai Eksekutif Matrade, Dr. Wong Lai Sum berkata, kumpulan pembeli itu termasuk pembekal makanan terkemuka untuk pasaran makanan AS, telah menunjukkan minat yang tinggi untuk mengimport produk makanan diproses Malaysia kerana kualiti dan kemampuannya memenuhi piawaian AS yang tinggi.

"Terdapat permintaan meningkat terhadap makanan diproses buatan Malaysia seperti sos dan bahan perap masakan yang eksotik," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini hari ini.

Program Malaysia Kitchen bagi AS telah dilancarkan di New York pada Mac 2010 bertujuan merangsang minat di kalangan penggemar makanan di AS mencuba masakan Malaysia dan melawat restoran Malaysia di beberapa bandar negara itu.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 29 restoran Malaysia di AS.

Nilai eksport makanan diproses Malaysia ke AS mencecah AS\$330.3 juta (RM990.9 juta) tahun lalu.

AS adalah antara lima pasaran eksport utama bagi Malaysia dan terdapat ruang peningkatan dalam kategori eksport bagi makanan diproses.

Lai Sum berkata, misi Matrade ialah untuk mempromosi eksport Malaysia dan perbadanan itu telah berjaya dalam usaha memungkinkannya syarikat-syarikat tempatan menerokai pasaran baru.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0324&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm